



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7 November 2015

PM bangga Malaysia ekonomi Islam paling maju di dunia

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak berkata beliau gembira kerana Malaysia dinamakan sebagai ekonomi Islam paling maju di dunia oleh penyedia perkhidmatan perniagaan pintar global, Thom-

son Reuters.

"Institusi kerajaan dan perbankan meletakkan asas yang kukuh untuk perbankan Islam berkembang - berpegang kepada ajaran Islam," kata Perdana Menteri menerusi catatan dalam la-

man Facebooknya, semalam.

Khamis lalu, pemangku Ketua Perbankan Islam Thomson Reuters, Mustafa Adil dilaporkan sebagai berkata perbankan Islam Malaysia jauh mengatasi negara anggota Majlis Kerjasa-

ma Teluk (GCC).

Ketika berucap pada Forum Ekonomi Dunia Islam ke-11, Mustafa berkata Malaysia mencatatkan prestasi tertinggi dalam semua petunjuk yang digunakan untuk mengukur ke-

majuan, termasuk tahap kemajuan negara melalui enam petunjuk iaitu tahap tadbir urus, ketelusan, pendidikan, kewangan, tanggungjawab sosial korporat dan kesedaran secara keseluruhan. **BERNAMA**